

Newspaper	Berita Harian
Date	21/3/2013



“
*Tiada hak tuntutan
Sabah kerana
mereka tiada
kerajaan sah atau
negara berdaulat”*

Khoo Kay Kim,
Pakar sejarah

Malaysia pasti menang

BH-21/3/2013

Putrajaya: Malaysia akan menang jika pewaris Kesultanan Sulu membawa tuntutan terhadap Sabah ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda.

Ini berdasarkan rekod dan bukti sejarah dalam simpanan kerajaan.

Pakar sejarah, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, berkata pewaris Sultan Sulu tiada hak mengemukakan tuntutan terhadap Sabah kerana mereka tidak mempunyai kerajaan sah atau negara berdaulat.

Katanya, jika Sultan Sulu yang dilantik mahu membuat

tuntutan terhadap Sabah maka mereka perlu bantuan Filipina.

“Jika Malaysia bersetuju dengan cadangan pewaris Kesultanan Sulu supaya tuntutan didengar di mahkamah antarabangsa, saya percaya mereka akan kalah seperti keputusan ICJ menolak tuntutan Filipina terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan pada 2002.

“Tambahan pula, mereka tidak pernah terbabit langsung mentadbir Sabah sejak abad ke-18,” katanya selepas berucap pada seminar ‘Kepelbagaian Budaya di Malaysia’ anjuran Razak School Of Gover-

ment di sini, semalam.

Pada Disember 2002, ICJ menolak tuntutan Filipina atas Pulau Sipadan dan Ligitan di perairan Sabah dengan menyifatkan tuntutan itu tidak ada asas serta memutuskan ia milik Malaysia.

Kay Kim berkata, tindakan pengganas mencero boh Lahad Datu dan menuntut Sabah adalah tidak berasas dan perbuatan sia-sia.

Tegas beliau, Sabah tetap milik Malaysia berdasarkan keputusan Suruhanjaya Cobbold pada 1963 yang mengesahkan rakyat Sabah memilih untuk menyertai Malaysia.